

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)18

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

18. Nyatakan punca utama kejadian banjir kilat yang semakin kerap berlaku di Air Putih, Balik Pulau.
- (a) Sama ada melalui kajian teknikal atau audit sistem perparitan telah dilaksanakan?
 - (b) Apakah langkah segera serta jangka panjang yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan Negeri?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Punca utama berlakunya kejadian banjir kilat di kawasan Air Putih, Balik Pulau adalah disebabkan oleh hujan lebat yang berlarutan dan fenomena air pasang besar yang menyebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung kapasiti larian air.
- (a) Buat masa ini, tiada kajian teknikal audit sistem khusus yang telah dilaksanakan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan

dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) akan melihat keperluan untuk melaksanakan kajian hidrologi dan topografi bagi merancang sistem saliran yang menyeluruh di kawasan tersebut.

- (b) Kerajaan Negeri melalui JPSPP menyediakan peruntukan tahunan bagi melaksanakan kerja pengorekan dan pembersihan kolam takungan Taman Manggis yang berada di simpang tiga Air Putih supaya dapat menampung kapasiti air larian daripada Taman Manggis ke sistem perparitan di Air Putih. Selain daripada itu, kerja-kerja pembersihan di sungai-sungai berhampiran iaitu Sungai Pak Long Konkrit dan Sungai Bagan Air Itam turut dilaksanakan bagi melancarkan aliran air dan mengurangkan risiko banjir kilat. Namun begitu, penyelenggaraan Sungai Air Putih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana sebahagian besar sungai tersebut terletak dalam kawasan tanah persendirian. Tiada laluan atau akses yang sesuai menyukarkan pergerakan jentera bagi kerja-kerja pengorekan dan penyelenggaraan di kawasan tersebut.

